

Dr M. jelaskan cara jual saham Yayasan

KUALA LUMPUR, Jumaat — Segala saham yang dibeli oleh Yayasan Pelaburan Bumiputera melalui anak syarikatnya, Permodalan Nasional Berhad, akan dijual kepada Bumiputera dalam bentuk AMANAH SAHAM.

Ketika mengumumkan demikian hari ini, Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, langkah

itu untuk membantu Kerajaan meningkatkan modal saham Bumiputera dalam kegiatan ekonomi negara, selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

Katanya, saham yang akan diberi ialah dari syarikat-syarikat swasta yang telah memperuntukkan saham khas kepada Bumiputera tetapi belum diambil, dan juga syarikat-syarikat yang ingin mengeluarkan saham-saham mereka kepada Bumiputera.

Saham-saham yang dibeli ini, katanya akan dipegang oleh Per-

Oleh CHENG SONG HUAT

modalan Nasional Berhad sebagai amanah kepada Yayasan Pelaburan Bumiputera dan seterusnya dijual kepada amanah-amanah saham dan akhirnya langsung kepada masyarakat Bumiputera.

Waktu melancarkan Yayasan Pelaburan Bumiputera dan anak syarikatnya, Permodalan Nasional Berhad oleh Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn di Bilik Gerakan Negara di sini hari ini, Dato Seri Dr. Mahathir juga berkata:

Untuk penjualan saham itu kepada masyarakat Bumiputera, Per-

modalan Nasional Berhad akan menubuhkan sebuah syarikat dinamakan Amanah Saham Nasional Berhad bagi menguruskannya.

Timbalan Perdana Menteri yang dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pemegang-pemegang Amanah, telah menguharakan bagaimana Yayasan itu ditubuhkan dan perannya dalam peningkatan pemilihan modal saham masyarakat Bumiputera untuk mencapai objektif Dasar Ekonomi Baru.

Jaminan

Bellau juga memberi secara perinci bagaimana penadbiran amanan sahamnya di samping mengumumkan perlantikan ahli-ahli yang menganggotai Lembaga Pemegang-pemegang Amanah dan ahli-ahli Lembaga Pengarah Permodalan Nasional Berhad.

Menurut bellau Yayasan Pelaburan Bumiputera ditubuhkan di bawah Akta Syarikat sebagai sebuah syarikat berhad dengan jaminan dan tidak mempunyai sebarang modal saham.

Yayasan ini telah menerima jumlah \$200 juta dalam bentuk grant dari Kerajaan dan satu Lembaga Pemegang-peme-

gang Amanah dibenarkan dengan diketuai oleh bellau sendiri bagi menguruskan Yayasan itu.

Yayasan itu menubuhkan sebuah anak syarikat — Permodalan Nasional Berhad untuk melaksanakan dasar Yayasan ini mengikut prinsip dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Pemegang-pemegang Amanah.

Tugas Permodalan Nasional Berhad ialah untuk menilai, membeli dan membeli satu portfolio yang baik saham-saham syarikat berhad yang mempunyai keupayaan perkembangan yang cerah.

"Saham-saham akan dipegang oleh Permodalan Nasional Berhad sebagai amanah dan seterusnya dijual kepada amanah-amanah saham dan akhirnya kepada masyarakat Bumiputera.

Menurut Dato Seri Dr. Mahathir modal yang dibayar bagi Permodalan Nasional Berhad ialah \$100 juta oleh Yayasan itu di samping pinjaman \$100 juta darinya kepada syarikat tersebut.

Bellau menegaskan segala dividen dan edah yang akan diterima oleh Yayasan Pelaburan Bumiputera dari syarikat ini akan dibayar semula di dalam syarikat tersebut.

Yayasan terima \$200 juta grant bagi urusan pentadbiran

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

DARI MUKAS

Permodalan Nasional Berhad sebaliknya akan menubuhkan pada masa tertentu, satu syarikat bernama Amanah Saham Nasional Berhad untuk mengurus kumpulan wang amanah saham ini dan saham-saham yang akan dijual kepada Bumiputera.

Menurut beliau, saham-saham yang akan dibeli oleh syarikat ini, dari masa ke semasa ialah syarikat-syarikat yang ingin mengeluarkan saham mereka kepada masyarakat Bumiputera sebagai mematuhi Dasar Ekonomi Baru dan kemudiannya dijual kepada unit amanah saham.

Unit amanah saham pula akan menggunakan saham-saham itu bagi menyokong unit-unit saham yang akan dikeluarkan untuk jualan kepada Bumiputera.

Simpanan

Katanya, oleh kerana unit amanah saham tidak mempunyai batasan modal, boleh mengeluarkan saham-saham baru atau menebus saham-sahamnya pada bila-bila masa mengikut budi bicaraya.

Pengurus-pengurus kumpulan wang amanah saham boleh mengeluarkan beberapa banyak saham yang difikirkan perlu untuk memenuhi permintaan bagi simpanan dalam bentuk saham-saham oleh masyarakat Bumiputera.

Pada masa yang sama, katanya, pemegang-pemegang saham serupa itu akan dibenarkan menebus saham-saham mereka pada bila-bila masa, kerana pengurus-pengurus terpaksa membeli balik saham-saham tersebut apabila dikehendaki.

Dengan sistem ini, tambah Timbalan Perdana Menteri, terdapat satu pasaran yang tersedia bagi saham-saham yang dikeluarkan kepada masyarakat Bumiputera.

"Penubuhan syarikat pegangan pelaburan, Permodalan Nasional Berhad, dan unit amanah saham, akan melengkapi dan menyempurnakan seluruh proses pengeluaran saham-saham oleh syarikat kepada masyarakat Bumiputera di mana mungkin di sebabkan beberapa alasan, saham-saham ini tidak dapat dibeli dengan segera oleh orang-orang perseorangan atau kumpulan Bumiputera," katanya.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata, bagi men-



Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad bercakap kepada para pemberita di Bilik Gerakan, Jabatan Perdana Menteri selepas pelancaran Yayasan Pelaburan Bumiputera. Di sebelah beliau ialah Gabenor Bank Negara, Tan Sri Ismail bin Md. Ali. — Gambar Berita Harian.

jamin supaya Yayasan Pelaburan Bumiputera bertanggungjawab sepenuhnya kepada rakyat, Kerajaan melalui 'Minister of Finance Incorporated' ialah ahli tunggal yang tetap bagi yayasan itu.

Di samping itu, empat orang lain, iaitu Dato Seri Dr. Mahathir, Gabenor Bank Negara, Tan Sri Ismail Mohamad Ali, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdullah Salleh, dan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Tan Sri Nasruddin Mohamad dilantik menjadi ahli biasanya.

Peruntukan

Sementara Lembaga Pemegang-pemegang Amanah Yayasan, selain dari Dato Seri Dr. Mahathir sebagai pengerusi, dianggotai oleh Tan Sri Ismail Mohamad Ali, Raja Tan Sri Azlan Shah, Encik Geh Ik Cheong, seorang ahli bank, serta Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah selaku timbalan pengerusi.

Manakala tujuh orang ahli lembaga Pengarah Syarikat Permodalan Nasional Berhad ialah Tan Sri Ismail Mohamad Ali sebagai Pengerusi, dan lain-lain anggota ialah Tan Sri Nasruddin Mohamad, Tan Sri Gen. Ibrahim Ismail, Encik Jaafar Hussein, Encik Othman Ahmad dan Encik Barhanuddin Ahmad Tajuddin.

Terdahulu dari itu, Dato Seri Dr. Mahathir berkata, peruntukan \$200 juta untuk yayasan itu memang tidak mencukupi memandangkan

hanya \$171 juta dari \$829 juta saham yang diperuntukan oleh syarikat swasta kepada masyarakat Bumiputera diambil setakat ini.

Beliau berharap peruntukan tambahan akan diperolehi dari Kerajaan di samping sambutan dari masyarakat Bumiputera untuk membeli unit-unit amanah saham yang akan dikeluarkan.

Beliau berharap dengan adanya Yayasan Pelaburan Bumiputera ini, semua saham yang diperuntukkan kepada Bumiputera akan dibeli kelak.

Menyentuh penubuhan Yayasan Pelaburan Bumiputera, Timbalan Perdana Menteri berkata sejak dicadangkan pada tahun 1976, satu kumpulan pakar-pakar telah dilantik dengan diketuai oleh Gabenor Bank Negara, Tan Sri Ismail Mohamad Ali.

Penghormatan

Lain-lain ahli dalam pasukan Petugas untuk mengkaji bentuk, struktur dan pengurusan kumpulan wang itu terdiri dari mereka yang mendapat penghormatan tinggi di atas kecekapan dan kejujuran dalam bidang-bidang kewangan, perniagaan dan pengurusan.

Laporan pasukan Petugas itu telah menetapkan enam sifat utama untuk menayakan pelaksanaan yayasan tersebut, iaitu:

● Kumpulan wang ini mestilah tidak mempunyai batasan modal bagi membolehkan pembelian saham yang tidak terhad oleh masyarakat Bumiputera.

● Pentingnya diwujudkan satu Kumpulan Pengurusan yang kukuh, jujur dan berkesan.

● Kumpulan wang ini harus memainkan peranannya sebagai daya penggerak dalam melaksanakan simpanan oleh masyarakat Bumiputera.

● Kumpulan wang ini mesti mempunyai keupayaan memegang dan mengeluarkan balik sumber-sumbernya untuk pelaburan seterusnya, dan

● Bagi mewujudkan keyakinan, kumpulan wang ini mestilah bertanggungjawab kepada Kerajaan supaya tereslamat kumpulan wang yang telah disediakan oleh Kerajaan dan dari sumber-sumber lain.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata, dalam ucapannya perkataan "pembelian" kerana adalah menjadi haat Kerajaan memenuhi matlamat menambatkan penyertaan Bumiputera dalam perdagangan dan perindustrian di sepanjang 12 tahun akan datang dengan tidak payah mengambil tindakan memilikinagarakan syarikat-syarikat.

Yayasan ini, tegas beliau akan membantu orang Melayu perseorangan dan perusahaan-perusahaan Bumiputera membeli dan memiliki modal ekuiti di sektor syarikat melalui pembelian saham-saham bagi pihak mereka.

Kemakmuran

"Bagi melaksanakan usaha ini, yayasan ini mestilah berupaya mengembelikan simpanan masyarakat Bumiputera sebagai tambahan kepada sumber-sumber yang disediakan oleh Kerajaan.

Beliau menegaskan bahawa kumpulan wang yang dilaksanakan ini bukan saja perlu mendapatkan keyakinan masyarakat Bumiputera sendiri dalam menempatkan simpanan-simpanan mereka dengan kumpulan wang ini, juga keyakinan semua rakyat Malaysia.

"Ini kerana kesan kegiatannya bukan sahaja menentuhkan satu golongan masyarakat tetapi juga kemakmuran ekonomi kita seluruhnya.

"Sebagai satu perbadanan kewangan yang paling besar yang akan wujud di negara ini, kumpulan wang ini akan juga membantu meningkatkan dan memperbalik pengalaman dan kecekapan sistem kewangan kita, terutama mengenai pasaran modal," katanya.